



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
BLOK K, ARAS 2  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
PETI SURAT 12579  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2095 6523  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : pro@kpkt.gov.my

( ) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

11 Februari 2010

## **SIARAN MEDIA**

### **KPKT BERI GERAN TAHUNAN RM 299.3 JUTA BANTU PBT SELURUH NEGARA**

IPOH 11 FEBRUARI 2010 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan peruntukan dalam bentuk geran tahunan bagi tahun 2010 sebanyak RM 299.3 juta kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara , Kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, daripada jumlah tersebut sebanyak RM 236.4 juta akan diagihkan kepada 96 PBT di Semenanjung, manakala RM 34.6 juta kepada 22 PBT di Sabah dan RM 28.3 juta kepada 26 PBT di Sarawak.

Kong berkata, di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9), Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.892 billion bagi semua negeri melaksanakan projek-projek kecil di PBT bagi projek-projek infrastruktur seperti projek membina dan menaiktaraf jalan, parit dan longkang, menaiktaraf pejalan kaki dan juga memasang lampu-lampu jalan; Projek kemudahan awam iaitu membina dewan orang ramai, pondok menunggu bas, tandas awam dan kemudahan rekreasi; dan projek-projek sosio-ekonomi seperti projek membina dan menaiktaraf pasar awam, gerai dan tapak pasar pagi.

Katanya, sehingga 31 Disember 2009, Negeri Perak telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM212 juta** bagi pelaksanaan projek-projek di bawah BP.1, BP.6 dan BP.31 di dalam RMKe-9. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM211.2 juta (99%)** telah dibelanjakan.

Tambahnya, pada tahun 2009, Negeri Perak juga telah menerima peruntukan berjumlah **RM51.6 juta (14%)** daripada **RM368.2 juta** yang telah diperuntukkan kepada PBT-PBT di seluruh negara dan sehingga Disember 2009, sejumlah **RM50 juta atau (97%)** telah dibelanjakan bagi melaksanakan **371 projek** di seluruh PBT di Negeri Perak.

Beliau menambah, selain pemberian geran tahunan, Kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi Sumbangan Membantu Kadar (SMK) kepada semua PBT termasuk Sabah dan Sarawak bagi tujuan pembayaran cukai taksiran ke atas bangunan yang diduduki oleh bangunan kerajaan yang dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negara.

Katanya lagi, Kementerian ini menyerahkan pemberian **Sumbangan Membantu Kadar** kepada semua PBT Negeri Perak. Jumlah keseluruhan yang terlibat adalah sebanyak **RM26.5 juta** bagi **Pemberian Geran Tahunan** dan **RM6.07 juta** bagi **Sumbangan Membantu Kadar**.

Peruntukan pembayaran bagi sumbangan membantu kadar (SMK) bagi tahun 2010 ini akan diagihkan kepada 152 PBT seluruh negara membabitkan peruntukan sebanyak RM185.3 juta.

Jelasnya, PBT merupakan sebuah agensi yang sentiasa dianggap penting berdasarkan kekerapan berurusan dengan rakyat kerana kebanyakan interaksi di antara kerajaan dan rakyat berlaku di peringkat tersebut.

Katanya, Ini penting bagi memastikan semua PBT melaksanakan tugas dengan cekap, cepat dan efektif dan seterusnya dapat menjamin mutu perkhidmatan PBT sentiasa dipantau dan ditambah baik.

Adalah menjadi harapan saya, kedua-dua pemberian ini akan membantu PBT dalam membuat perancangan awal berkaitan dengan perbelanjaan mengurus bagi mempertingkatkan perkhidmatan kepada pembayar cukai, jelasnya.

\*\*\*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

*Di keluarkan oleh:*

*Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat [jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my) atau Encik Wan Zainal Shahriman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke [zainal\\_shahriman@kpkt.gov.my](mailto:zainal_shahriman@kpkt.gov.my)*